

16/04/1997

Kelantan akui masih ketinggalan

KOTA BHARU, Selasa - Kerajaan Pas Kelantan akan memastikan semua pihak di negeri ini memanfaatkan penggunaan komputer pada tahap maksimum selaras usaha menyaingi kemajuan negeri lain dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata langkah itu perlu bagi mengatasi masalah penggunaan komputer yang hanya mencecah 30 hingga 40 peratus berbanding kapasiti sebenar seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kelantan memang ketinggalan dalam banyak bidang, termasuk IT dan kita akan berusaha mengatasi keadaan ini," katanya selepas mengikuti dialog Koridor Raya Multimedia (MSC) menerusi sidang video dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Kuala Lumpur, hari ini.

(END)